

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Welcome to the Official Po

[Home](#) [About SSM](#) [Services](#) [Legal Framework](#) [Publication](#) [Gallery](#) [Career](#)

Home »

SSM CHARGES TWO
DIRECTORS OF A WORM
FARMING COMPANY UNDER
THE COMPANIES ACT 1965
FOR OFFERING ILLEGAL
INVESTMENT SCHEME TO
THE PUBLIC

SHARE

SSM CHARGES TWO DIRECTORS OF A WORM FARMING COMPANY UNDER THE COMPANIES ACT 1965 FOR OFFERING ILLEGAL INVESTMENT SCHEME TO THE PUBLIC

On Thursday, 4th July 2013, Siti Zaiton Binti Aleas and Shahrul Niza Bin Abdul Moin, directors of Agrofert Manufacturing Sdn Bhd were charged at the Petaling Jaya Magistrate Court for committing an offence under section 91(1) and section 363(3) of the Companies Act 1965 ('CA 1965').

The charges were in relation to the offering of an illegal investment scheme which collected monies from the members of the public.

Section 91(1) CA 1965 prohibits a person from offering an interest to the public without an approved trust deed. The offence carries a maximum penalty of five (5) years imprisonment or fine of RM100,000.00 or both.

Siti Zaiton Binti Aleas and Shahrul Niza Bin Abdul Moin also faced charges under section 363(3) CA 1965. The offence under section 363(3) CA 1965 carries a maximum penalty of 10 years imprisonment or fine of RM250,000.00.

The Magistrate, Mohd Hezri Shaharil released Siti Zaiton Binti Aleas and Shahrul Niza Bin Abdul Moin of RM7,000.00 bail each with one surety. The case is now fixed for mention on 26 March 2013.

En. Mohd Zulkhairi Kamaruzaman prosecuted on behalf of SSM while Siti Zaiton Binti Aleas and Shahrul Niza Bin Abdul Moin were unrepresented at the time of charging.

The aforesaid prosecution action demonstrates SSM's continuous effort to protect the public from illegal and unregistered investment schemes in Malaysia. At the same time, SSM would like to advice the member of the public to be more careful and vigilant when investing their monies in investment schemes which promise high and quick return.

ISSUED BY : SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
DATED : 8 JULY 2013

SSM DAKWA PENGARAH SYARIKAT PENTERNAKAN CACING DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965 KERANA MENAWARKAN SKIM PELABURAN YANG TIDAK BERDAFTAR

Pada Khamis, 4 Julai 2013, Siti Zaiton Binti Aleas dan Shahrul Niza Bin Abdul Moin iaitu pengarah syarikat Agrofert Manufacturing Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 91(1) dan seksyen 363(3) Akta Syarikat 1965 ('AS 1965').

Pertuduhan yang dikenakan terhadap Siti Zaiton Binti Aleas dan Shahrul Niza Bin Abdul Moin ialah berkaitan skim penternakan cacing yang tidak berdaftar yang telah mengutip wang pelaburan daripada orang awam.

Seksyen 91(1) AS 1965 menghalang mana-mana individu menawarkan kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'). Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 91(1) AS 1965 Siti Zaiton Binti Aleas and Shahrul Niza Bin Abdul Moin boleh dihukum penjara maksimum lima (5) tahun penjara atau denda RM100,000.00 atau kedua-duanya.

Siti Zaiton Binti Aleas dan Shahrul Niza Bin Abdul Moin juga menghadapi pertuduhan di bawah seksyen 363(3) Akta Syarikat 1965 berkaitan penawaran skim penternakan cacing yang sama. Jika disabitkan bersalah hukuman yang diperuntukkan ialah hukuman penjara maksimum sepuluh (10) tahun atau denda RM250,000.00 atau kedua-duanya.

Majistret, Mohd Hezri Shaharil melepaskan Siti Zaiton Binti Aleas dan Shahrul Niza Bin Abdul Moin dengan jaminan RM7,000.00 dengan seorang penjamin. Siti Zaiton Binti Aleas dan Shahrul Niza Bin Abdul Moin tidak diwakili oleh peguam manakala pendakwa dijalankan oleh En. Mohd Zulkhairi Kamaruzaman, pegawai pendakwa daripada SSM.

Pihak SSM ingin menasihatkan orang awam supaya lebih berhati-hati dalam membuat pelaburan dalam skim-skim pelaburan yang ditawarkan oleh orang persendirian, perniagaan atau syarikat. Orang awam juga disarankan untuk membuat semakan dengan pihak SSM atau agensi penguatkuasaan yang lain berhubung sama ada skim pelaburan yang ditawarkan berdaftar atau sah di sudut undang-undang.

DIKELUARKAN OLEH : SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
TARIKH : 8 JULAI 2013

KPDNKK

myGovernment

myGovernment
The Malaysia Government's Official Portal